

Talking Points
YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
Menteri Kanan Pertahanan

13 Oktober 2020

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Hari Ke-210 dan Hari ke-126 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.

Task Force Operasi Pematuhan

- Semalam (12 Oktober 2020) merupakan **hari ke-125 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui **Task Force Operasi Pematuhan melibatkan 3,041 Pasukan Pematuhan** yang terdiri daripada **14,530 anggota**.
- *Task Force* ini telah membuat **60,527 pemeriksaan** bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP PKPP.
- Sebanyak **4,606 pasar raya, 6,007 restoran** serta **2,007 penjaja**, dan **1,609 pasar awam/tani** telah diperiksa.
- Turut diperiksa, **4,179 tempat ibadah** serta **1,673 tempat riadah**.
- PDRM telah **menahan 446 individu** atas kesalahan ingkar arahan PKPP.
- Daripada jumlah itu, **seramai 407 individu telah dikompaun**.
- Seramai **37 individu** pula **direman dan 2 dijamin**.

- Antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk:
 - Tidak memakai pelitup muka (212)
 - Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri (85)
 - Penjarakan fizikal (72)
 - Private party (32)
 - Aktiviti perjudian (23)
 - Langgar syarat/perintah PKPB (19)
 - Ingkar perintah kuarantin (2)
 - Aktiviti di pusat hiburan (1)

- *Task Force* akan terus **mempertingkatkan pemeriksaan** serta **mengambil tindakan** ke atas **pemilik premis dan orang awam** yang **tidak mematuhi SOP PKPP yang ditetapkan.**

Kawalan Sempadan Negara

- **Operasi BENTENG** yang melibatkan;
 - Angkatan Tentera Malaysia (ATM),
 - Polis Diraja Malaysia (PDRM),
 - Agensi Penguatkuasaan Malaysia (APMM),
 - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),
 - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),
 - Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)

dan agensi-agensi lain **mengawal ketat sempadan negara** secara bersepadu dari **dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)** bagi **mengekang jenayah rentas sempadan** selain **mengekang penularan wabak COVID-19.**

- Semalam, Ops Benteng telah berjaya menahan **84 PATI, 3 tekong serta berjaya merampas 10 kenderaan darat.**
- Sebanyak **136 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng** juga dilakukan diseluruh negara yang melibatkan:
 - PDRM – **109 SJR**
 - ATM – **17 SJR**
 - AKSEM – **10 SJR**
- Orang ramai diminta untuk menghubungi hotline *National Task Force* di talian **011 6251 1223** untuk terus **menyalurkan maklumat** berkenaan PATI dan jenayah rentas sempadan.

Operasi Sanitasi Awam COVID-19

- **Ops Sanitasi Awam** di bawah kawal selia **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** sejak 30 Mac 2020 telah melakukan **10,419 operasi** sanitasi merangkumi **135 zon.**
- Semalam, sebanyak **18 operasi sanitasi** meliputi **4 Zon Merah, 7 Zon Kuning dan 3 Zon Hijau** di **7 buah negeri dan 2 Wilayah Persekutuan** iaitu:
 - **Sabah** (5 operasi)
 - **Pulau Pinang** (4 operasi)
 - **Sarawak** (3 operasi)
 - **Melaka** (1 operasi)
 - **Terengganu** (1 operasi)
 - **Perlis** (1 operasi)

- **Kedah** (1 operasi)
- **WP Kuala Lumpur** (1)
- **WP Putrajaya** (1)

- Operasi Sanitasi ini melibatkan **109 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** serta **148 anggota pihak berkuasa tempatan (PBT)** dan **4** dari agensi-agensi lain.

- **27 jentera JBPM** turut digunakan dalam Operasi Sanitasi Awam.

Kuarantin Wajib

- Dari **24 Julai** sehingga **12 Oktober 2020**, seramai **47,068 individu** telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

- Daripada jumlah itu, seramai **9,524 individu** sedang menjalani kuarantin wajib di **68 Hotel dan 17 premis lain termasuk Institut Latihan Awam (ILA) serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta** di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah dan Labuan.

- **381 individu** pula telah dibawa ke **hospital untuk rawatan** manakala **37,163 individu** telah di discaj dan **dibenarkan pulang ke rumah**.

PKPD Penjara dan Kuarters Penjara Reman Negeri Pulau Pinang

Sidang Khas MKN hari ini mendengar pengesahan KKM berkenaan peningkatan kes positif COVID-19 melibatkan Kluster Penjara Reman di Penjara Reman Negeri Pulau Pinang dan Kuarters Penjara Reman Negeri Pulau Pinang.

Bagi mengawal penularan wabak ini dalam komuniti dan atas nasihat KKM, sidang khas hari ini memutuskan untuk **melaksanakan PKPD** di Penjara Reman Negeri Pulau Pinang dan Kuarters Penjara Reman Negeri Pulau Pinang daerah Timur Laut, Pulau Pinang **bermula 15 Oktober 2020**.

Pelaksanaan PKPD ini membolehkan pergerakan keluar masuk di kawasan tersebut dapat dikawal dan memudahkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 dilaksanakan.

Jumlah keseluruhan individu terlibat adalah **seramai 2,830 orang** merangkumi **2,306 banduan, 304 staf penjara** dan keluarga yang mendiami kuarters dan **220 staf penjara dan keluarga** yang tidak mendiami kuarters.

Tindakan – tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut:

- Pergerakan keluar masuk tidak dibenarkan.
- Pergerakan staf penjara ditentukan berdasarkan SOP yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

- Makanan dan keperluan asas akan disalurkan yang akan diselaraskan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah Timur Laut.
- Tahanan yang akan dibebaskan semasa tempoh PKPD akan diasingkan daripada tahanan yang lain.
- Sekiranya keputusan ujian adalah negatif, tahanan kemudiannya akan dikuarantin di tempat yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Pulau Pinang sebelum dibebaskan.
- Tahanan yang positif akan dirawat di hospital sebagai orang awam selepas tarikh pembebasan mereka.

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR, W.P. PUTRAJAYA

Seperti yang saya umumkan semalam, SOP terperinci akan dikeluarkan dalam masa terdekat, oleh itu pagi ini jawatankuasa teknikal bersama KKM dan Sidang Khas MKN telah membincangkan SOP yang terperinci dan membentangkan kepada sidang MKN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Antara SOP yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

Kawalan Pergerakan

PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempat jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.

Hanya dua orang sahaja yang dibenarkan untuk keluar dari rumah bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan serta keperluan-keperluan yang lain. Individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak.

Pergerakan keluar masuk merentas daerah dan negeri yang melibatkan kawasan PKPB adalah tidak dibenarkan kecuali bagi;

- Bagi kes kecemasan seperti sakit dan pengurusan jenazah di luar daerah adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM.
- Pekerja-pekerja dibenarkan untuk merentas daerah dan negeri dengan syarat mempunyai pas pekerja yang sah atau surat kebenaran daripada majikan. Bagi pekerja dari dalam daerah yang sama, mereka tidak perlu mengemukakan surat majikan atau pas pekerja. Pihak kerajaan menggalakkan majikan membenarkan pekerja-pekerja mereka untuk bekerja dari rumah (work from home).
- Bagi mereka yang perlu melalui negeri Selangor dan Kuala Lumpur ke negeri-negeri lain, mereka dinasihatkan untuk mendapatkan kebenaran daripada balai polis berhampiran sebelum membuat perjalanan.

- Individu yang menggunakan pergerakan udara melalui KLIA, KLIA2 dan Subang, mereka juga perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak PDRM.

Aktiviti Ekonomi dalam kawasan PKPB

- Semua aktiviti perniagaan, ekonomi dan industri boleh beroperasi.
- Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.
- Pembelian makanan digalakkan secara pandu lalu, penghantaran (*delivery*) atau *take-away* sahaja. Walaubagaimanapun makan di premis makanan (*dine in*) adalah dibenarkan namun ianya terhad kepada 2 orang 1 meja dengan pematuhan SOP Sektor Makanan.
- Operasi pasar harian adalah antara 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja.
- Operasi pasar borong adalah antara 4.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja.
- Operasi pasar tani adalah antara 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
- Operasi pasar malam adalah antara 4.00 petang hingga 10.00 malam.

- Walaubagaimanapun operasi pasar tani dan pasar malam perlu mematuhi SOP ketat yang telah pun ditetapkan dan perlu dengan pengawasan anggota RELA.
- Waktu operasi Stesen Minyak adalah antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam (kecuali pengoperasian Stesen Minyak di lebuhraya dibenarkan beroperasi 24 jam)
- Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas Ekspres, LRT, teksi/ e-hailing dibenarkan beroperasi.
- Perkhidmatan teksi/ e-hailing, (maksimum hanya 2 orang penumpang) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
- Bagi kenderaan yang membawa pekerja, mereka boleh membawa penumpang seperti yang telah ditetapkan sebelum ini.

Perubatan dan Kesihatan

- Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta dibenarkan secara 24 jam.
- Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 8.00 pagi hingga 11.00 malam.

Sektor Ekonomi Dan Industri

- Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

- Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan, perkilangan yang dibenarkan boleh beroperasi seperti biasa termasuk merentas daerah dan negeri.

Perikanan, Perladangan dan Pertanian

- Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantai makanan dibenarkan beroperasi.

Pelabuhan dan Lapangan Terbang

- Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan dibenarkan beroperasi.

Aktiviti Keagamaan

- Mesyuarat bersetuju mencadangkan bagi mengimarahkan masjid untuk membenarkan azan dan mendirikan solat lima waktu dengan kehadiran 6 orang Jemaah yang ditentukan oleh jawatankuasa masjid termasuk Imam.
- Manakala pengurusan dan petugas di semua rumah ibadat bukan Islam dibenarkan seramai 6 orang sahaja.
- Walaubagaimanapun cadangan ini akan dibawa kepada JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk diperkenankan.

- Keputusan lanjut akan diumumkan oleh JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor dalam masa terdekat.

Aktiviti Riadah, Rekreasi dan Budaya

- Semua aktiviti riadah, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. Aktiviti hiburan termasuk kelab malam atau pub, pusat rekreasi, taman tema, *indoor playground* dan panggung wayang adalah tidak dibenarkan.

Aktiviti Sukan

- Aktiviti sukan secara individu, e-sports, sukan yang tidak bersentuhan dan sukan *outdoor* yang tidak melebihi 10 orang adalah **DIBENARKAN**.
- Aktiviti kolam renang, bersentuhan fizikal, sukan bertempur dan penganjuran sukan/kejujutan **TIDAK DIBENARKAN**.
- Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri **TIDAK DIBENARKAN**.
- Bagi proram latihan berpusat yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri boleh diteruskan secara *Quarantine Based Approach* seperti yang dilaksanakan di Kompleks Majlis Sukan Negara Bukit Jalil dan Keramat, Akademi Badminton Malaysia Bukit Kiara dan Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kg Pandan.

Pendidikan

- Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah, tadika, taska, pusat tahfiz dan pusat jagaan kanak – kanak ditutup dalam tempoh ini.
- Walaubagaimanapun bagi pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil peperiksaan dengan institusi pengajian luar negara, mereka dibenarkan untuk hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran.

Seminar / Bengkel / Persidangan

- Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Persidangan/Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)* tidak dibenarkan. Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan latihan sahaja.

Mesyuarat

Mesyuarat perlu diadakan secara sidang video manakala mesyuarat secara bersemuka adalah tidak digalakkan.

Penganjuran Majlis Keramaian

Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion* dan lain-lain majlis sosial adalah tidak dibenarkan.

Pelancongan

Semua aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB dan ke dalam kawasan PKPB adalah tidak dibenarkan.